

Selamat Tahun Baru 2011



Y.H. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim selaku Presiden MAKPEM mengucapkan Selamat Tahun Baru pada semua ahli-ahli pertubuhan gabungan dan pembaca Berita MAKPEM dan berharap semua ahli-ahli gabungan di peringkat Kebangsaan dan Negeri-negeri akan terus meningkatkan usaha murni mereka bagi membantu golongan kurang bernasib baik dan memberi perlindungan dan jagaan serta pemulihan kepada mereka yang memerlukan. Y.H. Dato' Setia Presiden juga mengalu-alukan 3 ahli baru MAKPEM iaitu Persatuan Kebajikan Usiamas Malaysia, Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia dan Pertubuhan Masyarakat Pujian Malaysia. Kini jumlah ahli gabungan MAKPEM adalah sebanyak 50 ahli kesemuanya. Sepanjang tahun 2010, MAKPEM telah berjaya melaksanakan segala program latihan yang dirancang di mana seramai 1053 orang peserta telah mengikuti sebanyak 36 kursus termasuk 2 kursus iaitu Kursus Asas Proses Menolong dan Kursus Lanjutan Proses Menolong yang telah diadakan di Kuching, Sarawak. Seramai 30 orang peserta sedang mengikuti Kursus Bersijil "Professional Care Givers" bagi Kohort IV. Kursus ini diadakan di bawah anjuran bersama MAKPEM dan Open University Malaysia (OUM).

Mesyuarat Majlis Kerja Kali Ke - 1/2011 Pada 16 Mac, 2011

Mesyuarat Majlis Kerja Kali Ke - 1/2011 telah diadakan pada 16.03.2011 di Bilik Kuliah 1 dan 2, Institut Latihan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM). Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Y.H. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim, Presiden MAKPEM. Di dalam kata-kata aluannya, beliau mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden, Bendahari Agung Kehormat dan semua wakil-wakil ahli gabungan yang hadir. Beliau juga mengucapkan selamat datang kepada Tuan Haji Zainuddin bin Abdullah wakil Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) yang hadir bersama pada hari itu.

Beliau juga memaklumkan bahawa MAKPEM sebagai badan penyelarar peringkat kebangsaan pertubuhan-pertubuhan sukarela kebajikan telah diberi tanggungjawab untuk meningkatkan keupayaan pertubuhan-pertubuhan sukarela menerusi program latihan khas. Dalam hubungan ini sejak pertengahan tahun 1999 sehingga akhir 2010, MAKPEM telah berjaya mengendalikan sebanyak 314 kursus yang melibatkan seramai 8,459 orang peserta. Sejak tahun 2007 MAKPEM telah mengadakan program latihan bekerjasama dengan Open University Malaysia (OUM) untuk mengendalikan Kursus "Professional Certificate for Care Givers". Jumlah pengambilan adalah seramai 30 orang setahun dan sehingga ini seramai 83 orang peserta telah berjaya ditauliahkan dengan Sijil Universiti tersebut di dalam 3 Konvokesyen Tahunan Universiti.



Seterusnya Y.H. Dato' Setia Pengerusi memaklumkan bahawa pada tahun lalu MAKPEM telah berjaya mengadakan satu Seminar peringkat Kebangsaan bertemakan "Peranan Kerajaan, Pertubuhan Sukarela dan Sektor Korporat Dalam Menangani Isu Sosial Semasa". Seminar ini telah diadakan di Negeri Melaka dengan kerjasama Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Negeri Melaka.

Pada awal tahun 2008, MAKPEM telah memulakan perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak di TASKA PENYAYANG MAKPEM. Sehingga ini seramai 39 orang kanak-kanak dari Bandar Baru Sentul telah menghadirinya. Taska ini juga digunakan sebagai Pusat Latihan Amali kepada peserta-peserta Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak.

Y.H. Dato' Setia Pengerusi juga memaklumkan bahawa MAKPEM telah berjaya menganjurkan satu lawatan sambil belajar ke Phnom Penh, Cambodia pada 23 – 26 Februari 2011 dan seramai 28 orang ahli gabungan turut serta dalam rombongan ini. Selain daripada lawatan yang diatur untuk melawat pusat-pusat pemulihan orang kurang upaya dan sekolah khas, rombongan MAKPEM juga telah mengadakan satu perbincangan mengenai dengan kebajikan masyarakat

dengan Menteri "Social Affairs, Veteran and Youth Rehabilitation" (MoSVY), Mr. Ith Sam Heng dan Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian. Y.H. Dato' Setia selaku ketua rombongan dan ahli rombongan telah diberi kesempatan untuk mengadakan kunjungan hormat kepada TYT Datuk Pengiran Haji Mohd Hussein bin Datuk Pengiran Haji Mohd Tahir Nasruddin, Duta Besar Malaysia ke Cambodia di pejabatnya di Phnom Penh.



Mesyuarat Majlis Kerja ini antara lain telah meluluskan beberapa cadangan berikut:

- i. Seminar Kebangsaan yang akan diadakan di Kuala Terengganu, Terengganu pada bulan September 2011.
- ii. Perhimpunan Agung Tahunan Ke - 33 Tahun 2011 pada 23.07.2011 di Kuala Lumpur atau di Ipoh, Perak.
- iii. Meluluskan keahlian baru:
 - a. Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM) sebagai Ahli Penuh.
 - b. Persatuan Kebajikan Usiomas Malaysia (USIAMAS) sebagai Ahli Bersekutu.
 - c. Pertubuhan Masyarakat Pujian Malaysia (COPSOM) sebagai Ahli Bersekutu.

Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan

Bagi tempoh Januari hingga Mac 2011, Jawatankuasa Tertinggi ini telah mengadakan dua kali mesyuarat iaitu pada 16.02.2011 dan 9.03.2011. Kedua-dua mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Y.H. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim yang juga Presiden MAKPEM.

Dalam mesyuarat tersebut Y.H. Dato' Setia Pengerusi memaklumkan bahawa pada tahun 2011, beliau bercadang untuk mengadakan dua 'event' besar untuk MAKPEM. Pertama ialah untuk membuat lawatan ke Phnom Penh, Cambodia pada 23-26.02.2011 dan keduanya untuk mengadakan satu Seminar peringkat Kebangsaan di Negeri Terengganu. Y.H. Dato' Setia telah mengarahkan pihak Urus Setia menyediakan kertas cadangan bagi perkara tersebut.

Mesyuarat juga bersetuju dengan cadangan Y.H. Dato' Setia Pengerusi untuk menambahkan lagi kakitangan MAKPEM iaitu seorang Pegawai Tadbir Media dan Teknologi Maklumat. Beliau akan mengendalikan kerja-kerja mengemaskini laman web serta perkhidmatan 'online' dikalangan ahli-ahli gabungan yang sudah pun mempunyai laman webnya sendiri. Mesyuarat kali ini juga bersetuju supaya seorang lagi Pegawai Latihan di ambil bagi menambahkan lagi tenaga pengajar di bahagian latihan yang mana pada masa ini ditanggung oleh Tuan Haji Hitam bin Chik, dan Encik R.S. Vengadeson. Mesyuarat bersetuju melantik satu Jawatankuasa

pemilihan seperti berikut:

1. Tuan Haji Zainal Abidin bin Md. Alias – Pengerusi
2. Y. Bhg. Datin Paduka Hajah Khatijah binti Sulieman – Ahli
3. The Revd. Canon Samuel D. John – Ahli
4. Tuan Haji Hitam bin Chik – Ahli

Mesyuarat telah menerima cadangan Ketua Pegawai Eksekutif MAKPEM untuk pembayaran kadar baru perkhidmatan kawalan keselamatan, mengikut kadar baru kerajaan yang diperkenalkan pada Bajet 2011. Kadar ini ialah daripada RM 3,074.40 kepada RM 3,935.23 sebulan berkuatkuasa pada 1.02.2011.



Laporan Bahagian Latihan MAKPEM

Sambutan daripada ahli-ahli pertubuhan sukarela kebajikan terhadap kursus-kursus MAKPEM yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pekerja-pekerja masing-masing amatlah mengalakkan dan sehingga akhir bulan Mac. Kursus-kursus seperti di bawah:

Senarai Kursus Bagi Tempoh 1.01.2011 Hingga 25.03.2011

Bil	Jenis Kursus	Tarikh Kursus	Bilangan Peserta
1.	Kursus Pertumbuhan, Perkembangan dan Penjagaan Kanak-Kanak	24 - 28.01. 2011	29
2.	Kursus Penjagaan dan Bimbingan Kanak-Kanak Kurang Upaya	07 - 11.02.2011	29
3.	Kursus Intervensi Awal Kanak-Kanak Kurang Upaya	21 - 25.02.2011	34
4.	Kursus Asas Pengurusan Kanak-Kanak Istimewa	28.02 - 04.03.2011	37
5.	Kursus Jagaan dan Pendidikan Kanak-Kanak Masalah Pembelajaran	07 - 11.03.2011	33
6.	Kursus Asas Proses Menolong	14 - 18.03.2011	34
7.	Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Pertubuhan Sukarela	21 - 25.03.2011	19
	Jumlah Peserta :		215

Permohonan Geran Program Latihan

MAKPEM telah memohon sebanyak RM 967,100.00 daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi tahun 2011 seperti berikut:

- Kursus-Kursus Institut Latihan MAKPEM bagi mengendalikan 36 Modul : RM 718, 500.00
- Kursus Usahasama MAKPEM/OUM
6 Modul + Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) :

RM 248,600.00

RM 967,100.00



“First Asean Social Work Consortium (ASWC) Conference” Di Manila, Philippines Pada 28 Februari – 3 Mac 2011

Persidangan Pertama “Asean Social Work Consortium” (ASWC) telah diadakan di Manila, Philippines pada 28 Februari hingga 4 Mac 2011. Sebanyak 10 buah Negara Asean telah menghadiri Persidangan ini iaitu Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Singapore, Philippines, Thailand dan Vietnam. Malaysia telah diwakili oleh Cik Norani binti Haji Mohd Hashim, Timbalan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat sebagai Ketua Delegasi, Encik Arfan bin Sulaiman, Jabatan Kebajikan Masyarakat,

Encik Adi Aiman Kamaruddin, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Tuan Haji Hitam bin Chik, Ketua Pegawai Eksekutif MAKPEM, Encik R.S. Vengadeson, Pegawai Eksekutif Latihan MAKPEM, dan Dr. Azlinda binti Azman, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Fokus utama Persidangan ini ialah untuk membuat rancangan kerja bagi lima tahun (2011-2015) bagi Negara-negara Asean mengenai dengan kebajikan masyarakat. Ianya juga membincangkan bagaimana untuk bekerjasama dengan negara-negara anggota mencapai tahap perkhidmatan yang komited terhadap kebajikan dan pembangunan sosial di peringkat Nasional, Regional dan Antarabangsa dengan memberi tekanan terhadap kerjasama antara pekerja sosial, pengajar dan juga Universiti bagi menggalakkan perkembangan pekerja sosial yang profesional seterusnya mewujudkan ‘standard’ atau ‘benchmark’ terhadap aktiviti-aktiviti kebajikan masyarakat.



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Taska Penyayang MAKPEM Dan Perjumpaan Dengan Ibu Bapa Pada 10 Mac 2011

Satu Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Taska Penyayang MAKPEM yang dipengerusikan oleh Tuan Haji Hitam bin Chik telah diadakan pada 10.03.2011 pukul 9.00 pagi. Tujuan mesyuarat ini ialah untuk membolehkan semua ahli mengikuti perkembangan semasa Taska. Pada masa ini terdapat seramai 39 orang kanak-kanak yang menghadiri Taska tersebut. Sebagai Taska Komuniti, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan subsidi kepada keluarga

yang berpendapatan rendah manakala hampir separuh lagi telah membayar yuran penuh. Pada sebelah petang satu perjumpaan telah diadakan antara kakitangan Taska dengan wakil ibu bapa. Perjumpaan ini ialah bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan antara pengasuh dengan ibu bapa dan juga untuk ibu bapa mendapat maklumbalas mengenai dengan program dan aktiviti Taska dan juga peranan yang boleh dimainkan oleh ibu bapa bagi penyelesaian anak-anak mereka di Taska.

